

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI SHAH ALAM
DALAM NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN
SAMAN PEMULA NO: MT-21-248-2010

Dalam perkara Aturan 7, Aturan 15 Kaedah 16 dan Aturan 28 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980

DAN

Dalam perkara seksyen 41 Akta Spesifik Relif 1950

DAN

Dalam perkara Artikel-Artikel 4, 5 dan 8 Perlombagaan Persekutuan

DAN

Dalam perkara Konvensyen Untuk Menghapuskan Diskriminasi Dalam Semua Bentuk Terhadap Wanita 1979/81 ("convention on the Elimination of All Forms of Discrimination Against Women 1979/81") dan Akta Pekerjaan 1955

DAN

Dalam perkara penarikan balik dan/atau pembatalan lantikan Noorfadilla Binti Ahmad Saikin sebagai Guru Sandaran Tidak Terlatih

DAN

Dalam perkara permohonan untuk, antara lainnya, deklarasi dan gantirugi

ANTARA

NOORFADILLA BINTI AHMAD SAIKIN

... PLAINTIF

DAN

1. CHAYED BIN BASIRUN
2. ISMAIL BIN MUSA
3. DR HAJI ZAHRI BIN AZIZ
4. KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA,
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
5. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA,
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
6. KERAJAAN MALAYSIA

... DEFENDAN-
DEFENDAN

AFIDAVIT JAWAPAN DEFENDAN KEDUA DAN DEFENDAN KETIGA

Saya, ISMAIL BIN MUSA (No. K/P:), seorang warganegara Malaysia yang cukup umur dan beralamat di

dengan sesungguhnya dan sebenarnya berikrar dan menyatakan seperti berikut:

1. Saya ialah Pegawai Pelajaran Daerah yang ditugaskan dan bertanggungjawab dalam hal-hal pentadbiran Pejabat Pelajaran Daerah Hulu Langat termasuk dalam perkara pengambilan Guru Sandaran Tidak Terlatih yang difailkan oleh Plaintiff di dalam tindakan ini.
2. Saya diberi kuasa sepenuhnya untuk mengikrarkan Afidavit Jawapan ini bagi pihak Defendan Kedua dan Defendan Ketiga.
3. Segala fakta yang dideposkan di sini adalah di dalam pengetahuan peribadi saya dan/atau melalui dokumen serta rekod-rekod yang ada dalam simpanan saya dan rekod yang akses diberi penuh kepada saya melainkan dinyatakan sebaliknya.
4. Saya memohon kepada Mahkamah yang Mulia ini untuk merujuk kepada Saman Pemula Plaintiff bertarikh 7.5.2010 ("Saman Pemula tersebut") dan Afidavit Sokongan Plaintiff oleh Noorfadilla binti Ahmad Saikin yang diikrarkan pada 6.5.2010 ("Afidavit Plaintiff tersebut").
5. Perenggan 1 dan 2 Afidavit Plaintiff adalah diakui.

6. Saya merujuk kepada pengataan di Perenggan 3, 4, 5, 6, 7, 8 dan 9 Afidavit Plaintiff dan sesungguhnya menyatakan bahawa:
- 6.1 Setakat mengakui bahawa pada masa yang material, saya merupakan Pegawai Pelajaran Daerah Hulu Langat dan Defendan Ketiga adalah Pengarah Pelajaran Negeri Selangor, lain-lain pengataan yang terkandung dalam Perenggan 3 dan 4 Afidavit Plaintiff adalah dinafikan.
- 6.2 Pengataan di Perenggan 5, 6, 7, 8 dan 9 Afidavit Plaintiff adalah di luar pengetahuan saya.
7. Merujuk kepada perenggan 10 hingga 18 Afidavit Plaintiff, saya sesungguhnya percaya dan menyatakan bahawa:
- 7.1 Jabatan Pelajaran Selangor (Defendan Ketiga) telah menerima waran daripada Kementerian Pelajaran Malaysia untuk pengambilan Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT).
- 7.2 Pengambilan GSTT tersebut dibuat bagi mengatasi masalah kekurangan guru yang dihadapi oleh sekolah-sekolah di bawah pentadbiran semua Pejabat Pelajaran Daerah di Negeri Selangor pada tahun 2009.
- 7.3 Untuk tujuan tersebut, Jabatan Pelajaran Selangor telah meminta semua Pejabat Pelajaran Daerah di Selangor menjalankan temuduga kepada calon-calon GSTT yang berminat.
- 7.4 Perlantikan GSTT adalah dilantik oleh Jabatan Pelajaran Selangor.

Sesalinan contoh surat kelulusan Perlantikan GSTT (Waran) bagi tahun 2008 oleh Kementerian Pelajaran Malaysia ditunjukkan kepada saya dan dieksibitkan di sini sebagai “Eksibit IM-1”.

8. Mengenai Perenggan 10 dan 11 Afidavit Plaintiff, saya sesungguhnya menyatakan bahawa Plaintiff telah dipanggil oleh Pejabat Pelajaran Daerah Hulu Langat (PPDHL) untuk menghadiri temuduga jawatan GSTT yang diadakan pada 2.1.2009. Selanjutnya, saya menegaskan bahawa temuduga GSTT tersebut adalah merupakan saringan pertama sebelum pihak PPDHL memilih calon GSTT yang sesuai.
9. Merujuk kepada Perenggan 12 Afidavit Plaintiff, saya sesungguhnya menyatakan bahawa pengisian maklumat dan butir-butir diri dalam Borang Tapisan Keutuhan adalah merupakan suatu prosedur asas dalam pengambilan calon GSTT sebelum sesuatu temuduga dijalankan. Ketiadaan maklumat status kesihatan calon dalam Borang Tapisan Keutuhan tidak menjelaskan proses temuduga calon GSTT yang diadakan dan bukanlah merupakan suatu bentuk diskriminasi terhadap calon GSTT.

Sesalinan Borang Tapisan Keutuhan dan Perakuan Bebas dari Jenayah dan Dadah ditunjukkan kepada saya dan dieksibitkan di sini sebagai "**Eksibit IM-2**".

10. Defendan Kedua dan Defendan Ketiga mengakui Perenggan 13 Afidavit Plaintiff. Plaintiff telah dipanggil oleh pihak PPDHL untuk temuduga bagi jawatan GSTT Menengah Januari 2009 pada 2.1.2009.
11. Merujuk kepada Perenggan 14 Afidavit Plaintiff, saya sesungguhnya menyatakan bahawa perenggan tersebut diakui setakat Plaintiff telahpun ditemuduga oleh pegawai penemuduga PPDHL dan soalan-soalan yang ditanyakan kepada Plaintiff adalah berpandukan kepada Borang Urusan Temuduga GSTT yang disediakan oleh Jabatan Pelajaran Selangor.

Sesalinan Borang Urusan Temuduga Guru Sandaran Tidak Terlatih ditunjukkan kepada saya dan dieksibitkan di sini sebagai "**Eksibit IM-3**".

12. Saya sesungguhnya percaya dan menyatakan bahawa ketiadaan soalan berkenaan status kehamilan Plaintiff oleh pegawai penemuduga bukanlah merupakan suatu bentuk diskriminasi terhadap Plaintiff kerana soalan-soalan yang dikemukakan adalah mengikut prosedur dan berpandukan kepada "Eksibit IM-2". Selanjutnya, saya juga menegaskan bahawa seseorang calon GSTT perlu memenuhi segala syarat, kelayakan dan kriteria yang digariskan bagi pengambilan GSTT di bawah Pekeliling Perkhidmatan Kementerian Pelajaran Malaysia Bil.1/2007. Keputusan sama ada seseorang calon dipilih untuk dilantik ke jawatan GSTT atau tidak terletak di bawah kuasa Defendan Ketiga iaitu Pengarah Pelajaran Negeri.
13. Perenggan 15 Afidavit Plaintiff diakui. Walaubagaimanapun, saya sesungguhnya menyatakan bahawa "*short-messaging service*" (SMS) tersebut dihantar hanya untuk memaklumkan Plaintiff supaya hadir ke Pejabat PPDHL untuk mendapatkan Memo Penempatan ke sekolah tempat bertugas. Calon GSTT yang lain juga telah dipanggil melalui panggilan telefon atau pesanan SMS untuk mengambil Memo Penempatan tersebut.
14. Merujuk kepada Perenggan 16 Afidavit Plaintiff, saya sesungguhnya menegaskan bahawa Memo Penempatan yang diberikan kepada Plaintiff dan calon GSTT yang lain adalah merupakan surat lapor diri ke sekolah dan bukannya dokumentasi tawaran mahupun surat tawaran rasmi dan lantikan sebagai GSTT.

Sesalinan Memo Penempatan Guru Sandaran Tidak Terlatih Plaintiff ditunjukkan kepada saya dan dieksibitkan di sini sebagai "**Eksibit IM-4**".

Sesalinan contoh Surat Tawaran Jawatan dan Lantikan Sebagai Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT) kategori DC41 ditunjukkan kepada saya dan dieksibitkan di sini sebagai "**Eksibit IM-5**".

Sesalinan contoh Surat Setuju Terima Tawaran dan Lantikan sebagai Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT) ditunjukkan kepada saya dan dieksibitkan di sini sebagai “**Eksibit IM-6**”.

Sesalinan contoh Laporan Penempatan GSTT daripada sekolah ditunjukkan kepada saya dan dieksibitkan di sini sebagai “**Eksibit IM-7**”.

15. Mengenai pengataan di Perenggan 17 Afidavit Plaintiff, saya sesungguhnya percaya dan menyatakan bahawa semua calon-calon GSTT yang hadir untuk mendapatkan Memo Penempatan pada 12.1.2009 telah diberikan taklimat berkaitan oleh para pegawai PPDHL sebelum melapor diri ke sekolah yang ditempatkan.
16. Merujuk kepada Perenggan 18 Afidavit Plaintiff, saya sesungguhnya menyatakan bahawa semasa taklimat tersebut dijalankan, penjelasan juga telah diberikan kepada semua calon-calon GSTT bahawa sekiranya terdapat calon yang sedang hamil maka calon tersebut tidak akan diterima untuk menjawat jawatan GSTT.
17. Selanjutnya saya menyatakan bahawa terdapat 3 calon yang mengaku sedang hamil selepas sesi taklimat telah ditarik semula Memo Penempatan ke sekolah oleh pihak PPDHL.
walayat
18. Saya juga menyatakan bahawa pihak PPDHL telah memaklumkan kepada calon-calon GSTT yang hamil tersebut bahawa mereka boleh memohon GSTT pada masa akan datang iaitu selepas bersalin sekiranya memenuhi syarat dan kelayakan yang ditetapkan.
19. Saya sesungguhnya percaya dan menyatakan bahawa tindakan pihak PPDHL menarik semula Memo Penempatan Plaintiff dan calon GSTT yang hamil dibuat berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Kementerian Pelajaran Malaysia Bil.1/2007.

Sesalinan Pekeliling Perkhidmatan Kementerian Pelajaran Malaysia Bil.1/2007 ditunjukkan kepada saya dan dieksibitkan di sini sebagai “**Eksibit IM-8**”.

20. Saya sesungguhnya percaya dan menyatakan bahawa berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Kementerian Pelajaran Malaysia Bil.1/2007 ini juga, Defendant Ketiga telah membuat garis panduan berhubung dengan kriteria kelayakan lantikan GSTT sekolah menengah bagi Jabatan Pelajaran Negeri Selangor.

Sesalinan Kriteria Kelayakan Lantikan GSTT Sekolah Menengah Jabatan Pelajaran Negeri Selangor ditunjukkan kepada saya dan dieksibitkan di sini sebagai “**Eksibit IM-9**”.

21. Pengataan-pengataan yang terkandung dalam Perenggan 19, 20, 22, 23, 24, dan 25 adalah di luar pengetahuan saya dan merupakan komunikasi yang dibuat oleh Plaintiff dan suaminya (pengadu) dengan pihak-pihak yang berkenaan.
22. Merujuk kepada Perenggan 21 Afidavit Plaintiff, saya sesungguhnya percaya dan menyatakan bahawa Defendant Kedua dan Defendant Ketiga tidak dalam kapasiti/keadaan untuk memberikan sebarang jawapan atau maklum balas kepada surat yang dikemukakan oleh peguamcara Plaintiff tersebut.
23. Keseluruhan pengataan di Perenggan 26 Afidavit Plaintiff adalah dinafikan. Saya sesungguhnya percaya dan menyatakan bahawa tindakan PPDHL menarik semula Memo Penempatan Plaintiff bukanlah merupakan suatu bentuk diskriminasi terhadap Plaintiff. Sebaliknya ia bertujuan untuk memastikan proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah tidak terganggu dan pelajar mendapat pendidikan yang sempurna.
24. Saya sesungguhnya percaya dan menyatakan bahawa fungsi dan tujuan utama pengambilan GSTT dibuat adalah untuk mengatasi masalah kekurangan guru yang dihadapi oleh pihak PPDHL dan seluruh sekolah-sekolah di Selangor amnya.


25. Saya juga sesungguhnya percaya dan menyatakan bahawa pengambilan GSTT dibuat berdasarkan keperluan dan berdasarkan Pengajaran dan Pembelajaran demi kepentingan pelajar. Justeru itu, pengambilan calon GSTT yang hamil dengan sendirinya akan mengecewakan tujuan (*defeat the purpose*) perlantikan GSTT tersebut.
26. Saya juga ingin menegaskan bahawa calon GSTT yang hamil boleh membuat permohonan semula GSTT selepas bersalin bagi pengambilan GSTT di masa akan datang dengan syarat mereka memenuhi keperluan dan kriteria yang telah ditetapkan oleh Defendant Keempat.
27. Kecuali apa yang dinyatakan di dalam Afidavit Jawapan ini, saya menafikan pengataan-pengataan yang terkandung di dalam Afidavit Plaintiff seolah-olah ia disangkal setiap satunya secara khusus.
28. Saya sesungguhnya menyatakan bahawa Saman Pemula ini tidak mempunyai apa-apa merit dan adalah mengaibkan serta merupakan suatu penyalahgunaan proses mahkamah dan oleh itu saya dengan rendah diri memohon kepada Mahkamah yang Mulia ini supaya Saman Pemula ini ditolak dengan kos.

Diikrarkan oleh ISMAIL BIN MUSA
pada 29 haribulan September 2010
pada pukul 10.00 pagi / petang
di

}



Di hadapan saya,



AFIDAVIT JAWAPAN DEFENDAN KEDUA DAN DEFENDAN KETIGA ini difaikkan oleh Peguam Kanan Persekutuan yang mempunyai alamat penyampaian di Jabatan Peguam Negara, Bahagian Guaman, Aras 3, Blok C3, Parcel C, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62512 Putrajaya.

[Ruj: PN/SEL/HQ/SN/08(P)/54/2010]

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI SHAH ALAM
DALAM NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN
SAMAN PEMULA NO: MT-21-248-2010

ANTARA

NOORFADILLA BINTI AHMAD SAIKIN ... PLAINTIF


DAN

1. CHAYED BIN BASIRUN
2. ISMAIL BIN MUSA
3. DR HAJI ZAHRI BIN AZIZ
4. KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA,
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
5. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA,
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
6. KERAJAAN MALAYSIA ... DEFENDAN-
DEFENDAN

SIJIL PERAKUAN EKSHIBIT

Saya dengan ini mengakui bahawa Eksibit berikut yang bertanda "Eksibit IM-1" yang dirujuk di dalam Afidavit Jawapan Defendan Kedua dan Defendan Ketiga **ISMAIL BIN MUSA** diikrarkan di hadapan saya pada 29 haribulan September 2010.

Di hadapan saya,






KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
(Ministry Of Education Malaysia)

BAHAGIAN SUMBER MANUSIA
(Human Resource Division)

ARAS 1 - 5, BLOK E12, KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62604 PUTRAJAYA

Telpon : +603-8884 6000 (Talian Umum)
Faks : +603-8888 6292
Laman web : <http://www.moe.gov.my>




4898
Tuan H. Lenggat
Kagada

R. T.P.P.
PNSDE

Tuan,

Rujukan Kami : KP(PP) 0017/122/34/4 (72)

Tarikh : 17 Disember 2007



Kelulusan Pelantikan Guru Sandaran Tidak Terlatih
Di Sekolah Menengah Kementerian Pelajaran Malaysia.Tahun 2008

Tu H. Wazir
Tindakan
fuan.

R
KSPS

Dengan hormatnya saya adalah diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa setelah dibuat penyelarasan data perjawatan tahun 2008 dan kedudukan pengisian dengan pelantikan baru, pertukaran dan persaraan, masih terdapat kekurangan guru-guru terlatih untuk mengisi kekosongan jawatan-jawatan di Sekolah Menengah Kementerian Pelajaran Malaysia.

3. Sehubungan dengan itu, bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran tidak terjejas, Kementerian bersetuju untuk mengisi kekosongan ini dengan melantik Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT).

4. Jumlah perjawatan mengikut negeri bagi tujuan pelantikan GSTT seperti di Lampiran A.


5. Dimaklumkan bahawa kuasa melantik GSTT adalah kepada Pengarah Pelajaran Negeri dan tidak boleh diturunkan kepada Pejabat Pelajaran Daerah/Bahagian.

6. Pelantikan GSTT adalah tertakluk kepada Pekeliling Perkhidmatan Kementerian Pelajaran Malaysia Bil.1/2007. Pihak tuan juga diminta mematuhi syarat-syarat berikut:

i) Kelulusan ini hanya untuk sesi persekolahan tahun 2008 sahaja;

ii) Calon-calon GSTT yang dilantik mestilah mempunyai kelayakan akademik yang bersesuaian dengan opsyen yang akan diajar;

iii) Calon-calon GSTT lantikan Jabatan Pelajaran Negeri mesti memenuhi syarat-syarat kelayakan akademik yang ditetapkan. Pelantikan untuk calon yang tidak memenuhi syarat di bawah peraturan yang ditetapkan mesti mendapat kelulusan Kementerian terlebih dahulu;



C. S. S. C.

"Pengurusan Berkualiti Menjaya Misi"


- iv) Pihak tuan hendaklah mengambilkira pengisian GSTT ini setelah menguruskan penempatan penyandang ke jawatan naik pangkat dan jawatan yang berjawatan khas (over and above).
- v) Pelantikan GSTT ini tidak akan menjelaskan penempatan Guru Sandaran Terlatih yang akan datang. Kementerian akan terus membekalkan Guru-Guru Sandaran Terlatih pada bulan Mac, Jun dan September tahun 2008.
- vi) Pelantikan GSTT tidak melebihi jawatan yang diluluskan.
- vii) GSTT ini hendaklah ditamatkan pada 31 Disember 2008 atau pada tarikh yang lebih awal sekiranya perkhidmatan seseorang GSTT itu tidak diperlukan atau terdapat Guru Tetap/Guru Sandaran Terlatih yang dibekal dan akan mengisi kekosongan tersebut.

7. Adalah dimaklumkan bahawa pelantikan sebagai GSTT bukan jaminan untuk membolehkan/melayakkan mereka mengikuti Kursus Perguruan.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"CINTAILAH BAHASA KITA"

Saya yang menurut perintah,


(FARIDATUL AKMAR BINTI MAT TAIB)
Bahagian Sumber Manusia
b/p Ketua Setiausaha
Kementerian Pelajaran Malaysia

s.k:

Ketua Setiausaha
Kementerian Pelajaran Malaysia

Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia

Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia

Pengarah
Bahagian Sekolah

Setiausaha
Bahagian Sumber Manusia

Setiausaha Bahagian
Bahagian Kewangan

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI SHAH ALAM
DALAM NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN
SAMAN PEMULA NO: MT-21-248-2010

ANTARA

NOORFADILLA BINTI AHMAD SAIKIN ... PLAINTIF

DAN

1. CHAYED BIN BASIRUN
2. ISMAIL BIN MUSA
3. DR HAJI ZAHRI BIN AZIZ
4. KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA,
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
5. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA,
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
6. KERAJAAN MALAYSIA ... DEFENDAN-
DEFENDAN

SIJIL PERAKUAN EKSHIBIT

Saya dengan ini mengakui bahawa Eksibit berikut yang bertanda "Eksibit IM-2" yang dirujuk di dalam Afidavit Jawapan Defendan Kedua dan Defendan Ketiga ISMAIL BIN MUSA diikrarkan di hadapan saya pada 29 haribulan September 2010.

Di hadapan saya,



LAMPIRAN T1

BUTIR-BUTIR CALON UNTUK TAPISAN KEUNTUHAN

PERINGATAN

Semua ruangan hendaklah dipenuhkan. Jika tidak berkenaan tulis 'TIDAK BERKENAAN' jika tiada, tulis 'TIADA'

A	1.	NAMA	:	_____
	2.	NO KAD PENGENALAN		
	2.1	(BARU)	_____	
	2.2	(LAMA)	_____	
	3.	TARIKH / TEMPAT LAHIR	:	_____
	4.	JAWATAN / PEKERJAAN	:	_____
	5.	GAJI HAKIKI SEBULAN	:	_____
	6.	ALAMAT PEJABAT	:	_____
		TEL	:	_____
	7.	ALAMAT RUMAH	:	_____
		TEL	:	_____
	8.	JAWATAN / PEKERJAAN TERDAHULU (SENARAIIKAN)		

BIL	GELARAN JAWATAN	TEMPOH BEKERJA (TAHUN)
1		
2		
3		
4		

9. JAWATAN YANG DIPEGANG DALAM PERTUBUHAN / LAIN-LAIN

10 REKOD AKADEMIK

BIL	SIJIL / IJAZAH	INSTITUT / PUSAT PENGAJIAN TINGGI	TARikh
1			
2			
3			
4			

B 1. NAMA ISTERI / SUAMI :

2. JAWATAN / PEKERJAAN ISTERI / SUAMI

3. ALAMAT PEJABAT ISTERI / SUAMI

PERAKUAN BEBAS DARI JENAYAH DAN DADAH

Dengan ini saya

(No KP:.....) mengaku tidak pernah terlibat

dengan perbuatan jenayah dan penyalahgunaan dadah.

Tarikh : _____

Tandatangan:_____

Nama Penuh:

No KP:

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI SHAH ALAM
DALAM NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN
SAMAN PEMULA NO: MT-21-248-2010

ANTARA

NOORFADILLA BINTI AHMAD SAIKIN ... PLAINTIF


DAN

1. CHAYED BIN BASIRUN
2. ISMAIL BIN MUSA
3. DR HAJI ZAHRI BIN AZIZ
4. KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA,
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
5. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA,
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
6. KERAJAAN MALAYSIA ... DEFENDAN-
DEFENDAN

SIJIL PERAKUAN EKSHIBIT

Saya dengan ini mengakui bahawa Eksibit berikut yang bertanda “Eksibit IM-3” yang dirujuk di dalam Afidavit Jawapan Defendan Kedua dan Defendan Ketiga ISMAIL BIN MUSA diikrarkan di hadapan saya pada 29 haribulan September 2010.

Di hadapan saya,





URUSAN TEMUDUGA GURU SANDARAN TIDAK TERLATIH

NAMA CALON				
NO. KP		UMUR		
MASA		PAGI / TGH HARI / PETANG	TARIKH	
DOKUMEN SOKONGAN LENGKAP	YA / TIDAK			

KRITERIA SESI TEMUDUGA CALON

SKALA LIKERT : Sila tandakan [/] pada ruang yang berkenaan
1 - sangat lemah, 2 - lemah, 3 - Sederhana, 4 - Baik, 5 - Sangat baik

1.0 PERWATAKAN (15%)

BIL	KRITERIA	SKOR				
		1	2	3	4	5
1	Memakai tag nama/ pengenalan diri/ bersopan santun					
2	Berpakaian kerja yang sesuai sebagai guru					
3	Menunjukkan keyakinan diri / sabar / tenang					
4	Berkebolehan berkomunikasi dua hala					
5	Kesesuaian sikap / personaliti sebagai guru					
		Jumlah				
		Jumlah Besar	0%			

2.0 PENGETAHUAN (20%)

BIL	KRITERIA	SKOR				
		1	2	3	4	5
1	Mempunya kelayakan akademik yang sesuai (SPM / STPM / DIP / ISM / ISL)					
2	Kebolehan lisan / menulis dengan baik (BM / BI / BC / BT)					
3	Mempunya pengetahuan asas subjek dipohon					
4	Menunjukkan minat yang mendalam sebagai seorang guru					
5	Berkeupayaan menerangkan isu semasa / dasar KPM seperti PIPP dll.					
		Jumlah				
		Jumlah Besar	0%			

3.0 KEGIATAN LUAR (15%)

BIL	KRITERIA	SKOR				
		1	2	3	4	5
1	Menunjukkan minat terhadap aktiviti ko-kurikulum					
2	Mempunyai pengalaman/ kelayakan khas ko-kurikulum					
3	Berkeupayaan memikul tanggungjawab / tugas diberi					
4	Berkebolehan mengurus / melatih murid (kokurikulum & sukan)					
5	Penglibatan berpesatuan / Kelab / Badan NGO					
		Jumlah				
		Jumlah Besar	0%			

4.0 KESIHATAN (10%)

BIL	KRITERIA	SKOR				
		1	2	3	4	5
1	Mengalami masalah kecederaan / kecacatan fizikal					
2	Mempunyai alahan / alergi					
3	Berkeupayaan menjalankan aktiviti gerak kerja luar / lasak					
4	Berkebolehan mengurus kesihatan diri / murid					
5	Pengetahuan / pengalaman menghadapi situasi kecemasan					
		Jumlah				
		Jumlah Besar	0%			

MAKLUMAT KELAYAKAN AKADEMIK ASAS [* SPM / STPM]

SUBJEK	PENCAPAIAN (NYATAKAN)	CATATAN
BAHASA MELAYU		
BAHASA INGGERIS		
BAHASA CINA		
BAHASA TAMIL		
SAINS		
MATEMATIK		

CATATAN / ULASAN

NAMA PEGAWAI PENEMUDUGA	
TANDATANGAN	

KEPERLUAN MINIMA PERMOHONAN GSSTI

- 1) Had umur calon mestilah dari 18 hingga 30 tahun (Bukan Siswazah) dan 18 hingga 35 tahun
- 2) Sila sertakan salinan sijil kelulusan yang telah disahkan (mana yang berkenaan):
 - 1.1. Kad Pengenalan
 - 1.2. Sijil Lahir/Sijil Pendaftaran Kelahiran (bagi calon yang lahir di luar negara - Sijil-sijil Akademik (SPM/STPM/SPMV/DIPLOMA/IJAZAH)
 - 1.3. SPM Ulangan/SPM November (Kelulusan Bahasa Melayu)
 - 1.4. Ijazah dan Transkrip Ijazah
 - 1.5. Surat Lantikan / Sijil Gaji Akhir (KEW.8) / Laporan Perubahan Akhir (LP) bagi
- 4) Mesti menghadiri temuduga yang diuruskan oleh pihak JPN/PPD.
- 5) Hantar borang pemohon yang telah lengkap ke Pejabat Pelajaran Daerah (PPD).

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI SHAH ALAM
DALAM NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN
SAMAN PEMULA NO: MT-21-248-2010

ANTARA

NOORFADILLA BINTI AHMAD SAIKIN ... PLAINTIF

DAN


1. CHAYED BIN BASIRUN
2. ISMAIL BIN MUSA
3. DR HAJI ZAHRI BIN AZIZ
4. KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA,
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
5. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA,
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
6. KERAJAAN MALAYSIA ... DEFENDAN-
DEFENDAN

SIJIL PERAKUAN EKSHIBIT

Saya dengan ini mengakui bahawa Eksibit berikut yang bertanda “Eksibit IM-4” yang dirujuk di dalam Afidavit Jawapan Defendan Kedua dan Defendan Ketiga **ISMAIL BIN MUSA** diikrarkan di hadapan saya pada **29** haribulan **September** 2010.

Di hadapan saya,





شجاعت قلاب حسن دائرة هولو لاغت
PEJABAT PELAJARAN DAERAH HULU LANGAT
SAUJANA IMPIAN, KM 22, JALAN CHERAS,
43000 KAJANG, SELANGOR DARUL EHSAN



Rujukan Kami : PPDHL/PPS/A41992/03/01/006 (59)
Tarikh : 31 Disember 2008

MEMO

(Meng...
(Tuan 12/Jan/09))

PENGETUA,

SMK TINGGI KAJANG, KAJANG

Tuan,

**MEMO PENEMPATAN GURU SANDARAN TIDAK TERLATIH
DAERAH HULU LANGAT TAHUN 2009**

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk

2. Dimaklumkan guru seperti butiran berikut telah dipilih untuk ditempatkan berkhidmat di sekolah tuan;

- a. Nama : NOORFADILLA BINTI AHMAD SAIKIN
b. No. KP : 301111-
c. Tarikh Lapor Diri : 5 JANUARI 2009

3. Memo ini tidak sah untuk urusan gaji. Walau bagaimanapun surat rasmi perlantikan akan menyusul kemudian dari Jabatan Pelajaran Selangor untuk tujuan berkenaan.

Sekian, terima kasih

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA

Saya yang menurut perintah

HASAN BIN CHE LING, PPT
Penolong Pegawai Pelajaran
(Pengurusan Sekolah)
Pejabat Pelajaran Daerah Hulu Langat

(sila catatkan rujukan Pejabat ini bila berhubung)

Telefon : 03-8737 1100
Faksimili : 03-8739 0144
Website : www.ppdhl.net

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI SHAH ALAM
DALAM NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN
SAMAN PEMULA NO: MT-21-248-2010

ANTARA

NOORFADILLA BINTI AHMAD SAIKIN

... PLAINTIF

DAN

1. CHAYED BIN BASIRUN
2. ISMAIL BIN MUSA
3. DR HAJI ZAHRI BIN AZIZ
4. KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA,
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
5. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA,
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
6. KERAJAAN MALAYSIA

... DEFENDAN-
DEFENDAN

SIJIL PERAKUAN EKSHIBIT

Saya dengan ini mengakui bahawa Eksibit berikut yang bertanda "Eksibit IM-5" yang dirujuk di dalam Afidavit Jawapan Defendan Kedua dan Defendan Ketiga **ISMAIL BIN MUSA** diikrarkan di hadapan saya pada 29 haribulan September 2010.

Di hadapan saya,





JABATAN PELAJARAN SELANGOR
Jalan Tambo Bol 4/3E, Seksyen 4, 40604 Shah Alam,
Negeri Selangor Darul Ehsan



Rujukan Kandri : JPNS/SPS/MEN/A25090/01/04/01/ Jld 2 198 :
Tarikh : 29-Feb-08
22 Safar 1429H

MOHD ZANIZAM BIN MOHD DAUD (NO.KP-780811105579)
D1-103 MERAK APARTMENT, TAMAN BUKIT IDAMAN
68100-BATU CAVES

=> CONTOH =


OPSYEN DITAWARKAN : MATEMATIK

Tuan/Puan,

TAWARAN JAWATAN SEBAGAI GURU SANDARAN TIDAK TERLATIH (GSTT) KATEGORI: DC41

Dengan hormatnya saya adalah diarah menawarkan kepada tuan/puan jawatan sebagai Guru Sandaran Tidak Terlatih Kategori DC41 dengan bayaran elau sebanyak P1T5 RM 1901.80 sebulan dalam gred gaji dan tangga elau DC41 : P1T5 RM 1901.80 - P1T10 RM 2354.05 mulai 01-Mar-08 disekolah SMK ABDUL JALIL tertakluk kepada syarat-syarat berikut :-

- i. Perkhidmatan secara sandaran tuan/puan ini adalah berdasarkan dari sebulan ke sebulan dan akan tamat pada 31 Disember atau ditamatkan pada bila-bila masa sekiranya perkhidmatan tuan/puan tidak diperlukan lagi mengikut yang mana lebih awal;
 - ii. Kerajaan boleh menamatkan perkhidmatan tuan/puan dengan memberi sebulan notis atau membayar sebulan elau sebagai pengganti notis tanpa memberi apa-ape sebab;
 - iii. Dalam tempoh tersebut juga tuan/puan boleh meletak jawatan dengan memberi sebulan notis atau membayar sebulan elau sebagai ganti notis;
 - iv. Kerajaan tidak terikat untuk memberi tuan/puan jawatan tetap atau sementara di dalam Perkhidmatan Pelajaran;
 - v. Tuan/puan boleh ditugaskan berkhidmatan di mana-mana tempat seperti yang diarahkan oleh Jabatan Pelajaran Negeri Jabatan berkenaan;
 - vi. Mendapat akuan kesihatan dengan memenuhi Bahagian pertama Borang Am 402 yang dikembangkan bersama-sama ini dan mengemukakan kepada Pegawai Perubahan Kerajaan yang akan memeriksa kesihatan tuan/puan. Perbelanjaan urusan ini adalah ditanggung oleh Kerajaan;
 - vii. Mengangkat sumpah dan menurunkan tandatangan dalam borang Surat Sumpah yang dikemberikan bersama ini dihadapan seorang Pesuruhjaya Sumpah atau Majisteret serta Surat Akuan Bukan Penanggungan Dadah; dan
 - viii. Tuan/puan adalah sentiasa tertakluk kepada syarat perkhidmatan dan peraturan-peraturan dibawah yang diterapkan dalam (Perintah Am: Bab D) dan Perkakilan Perkhidmatan yang berkaitan Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Ketakutan dan Tata tertib) 1993.
2. Sekiranya tuan/puan menerima tawaran ini, tuan/puan adalah dikehendaki mengambil tindakan seperti berikut :-



(Sila catatkan nombor rujukan apabila berurusan dengan kini)

No. Telefon:
03 - 6538 6781
No. Faksimili:
03 - 6538 7122
E-mel:
jps@jps.moe.gov.my
http://www.jps.moe.gov.my/jps

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI SHAH ALAM

DALAM NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN

SAMAN PEMULA NO: MT-21-248-2010

ANTARA

NOORFADILLA BINTI AHMAD SAIKIN

... PLAINTIF

DAN

1. CHAYED BIN BASIRUN
2. ISMAIL BIN MUSA
3. DR HAJI ZAHRI BIN AZIZ
4. KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA,
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
5. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA,
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
6. KERAJAAN MALAYSIA

... DEFENDAN-
DEFENDAN

SIJIL PERAKUAN EKSHIBIT

Saya dengan ini mengakui bahawa Eksibit berikut yang bertanda "Eksibit IM-6" yang dirujuk di dalam Afidavit Jawapan Defendan Kedua dan Defendan Ketiga ISMAIL BIN MUSA diikrarkan di hadapan saya pada 29 haribulan September 2010.

Di hadapan saya,



**SURAT SETUJU – TERIMA
TAWARAN GURU SANDARAN TIDAK TERLATIH (GSTT)**

Pengarah Pelajaran
Jabatan Pelajaran Selangor
Jalan Jambu Bol 4 / 3E
Seksyen 4, 40604 Shah Alam
(u.p Ketua Unit Sekolah Rendah)


Tuan,

Saya KHOR YING YING No.K/P 840502-08-6230

bersetuju menerima tawaran sebagai perlantikan sebagai GSTT yang terkandung di dalam surat mengikut syarat-syarat yang terkandung di dalam surat rujukan

tuan JPKS.REN 508-1/9/2/1 3LD.12 (3) bertarikh 28 Jun 2010

2. Saya akan memegang jawatan itu mulai tarikh 1 Julai 2010
3. Bersama-sama ini disertakan salinan Surat Tawaran GSTT, Surat Akuan Sumpah (SPP 3.3), Surat Pemeriksaan Doktor (Am402-Pin 4/87) dan Laporan Penempatan yang telah dipenuhi.



Tandatangan

Alamat tempat bertugas :

SJK(C) Connaught (2)

s.k

Pejabat Pelajaran Daerah Hulu Langat
(u.p Penyelia Sekolah Rendah)

PERAKUAN GURU BESAR

Saya mengesahkan bahawa guru ini telah melapor diri pada 1 Julai 2010 dan segala butiran yang diberikan adalah benar


PUA CHUNG CHAU
 Tandatangan Guru Besar
 SJK(C) Connaught 2,
 Bandar Damai Perdana,
 56000 Cheras, Hulu Langat
 Selangor Darul Ehsan.

SURAT AKUAN SUMPAH

KHOE YING YING K/P: 840502-08-6230
 Saya dengan sesungguh dan sebenarnya mengaku bahawa:

- i. Saya tidak pernah disabitkan atas tuduhan jenayah dan juga saya tidak pernah ditahan di bawah Peraturan-Peraturan Darurat;
- ii. Saya tidak pernah dibuang kerja atau digantung kerja atau diisyiharkan meninggalkan jawatan dalam Warta Kerajaan daripada perkhidmatan mana-mana Kerajaan;
- iii. Saya tidak pernah meletakkan jawatan dalam perkhidmatan mana-mana kerajaan;
 - (a) Saya telah bekerja sebagai
Dalam Negeri.....
Selama tempoh
 - (b) Saya belum ada bekerja dengan mana-mana Kerajaan sebelum daripada itu;
(potong (a) atau (b) yang mana berkenaan)
- v. Pada tarikh sekarang ini saya bebas dari kesusahan kerana hutang dan tiada apa-apa tanggungan atau apa-apa surat janji hutang sains ada sebagai pemirjian atau penjamin;
- vi. Saya bukan seorang penagih dadah dan saya tidak pernah disabitkan dibawah mana-mana undang-undang mengenai penyalahgunaan dadah;
- vii. Saya telah dilahirkan pada haribulan dalam tahun 1984 MAY


dan saya membuat surat akuan ini dengan kepercayaan bahawa apa-apa yang tersebut di dalamnya adalah benar serta menurut Akta Akuan Berkanun 1960.

Diperbuat dengan sebenar-benar diakui oleh yang tersebut namanya di atas iaitu:

KHOE YING YING

..... Kuala Lumpur
di Negeri Wilayah Persekutuan
pada haribulan tahun 1 AUG 2010

[Signature]
Dihadapan saya



PERINGATAN: 1

Seseorang pemohon yang telah dikenakan perintah dibawah Ordinan Mahkamah Budak-Budak, 1974 adalah dikehendaki memberitahu secara sulit kepada bakal majikannya hal itu sekiranya perintah itu telah dibuat dalam masa 24 bulan dahulu daripada ini kecuali jika pemohon telah dilepaskan daripada Sekolah Henry Gurney atau daripada sebuah sekolah diluluskan maka tempoh 24 bulan itu hendaklah berlaku daripada tarikh ia dilepaskan itu.

11-M, Jalan Manis 6,

Taman Segar, Cheras,

56100 Kuala Lumpur

H/P: 017-385 0388

PERINGATAN: 2

Seseorang pemohon yang telah dilepaskan dari tuduhan mengikut perintah dibawah Akta 173A dalam Kanun Peraturan Jenayah atau mengikut mana-mana peruntukan Undang-undang yang serupa mestilah menyatakan hal itu kepada pihak berkuasa yang mengambil ia bekerja itu.

Saya uengan ini mengikut bahawa saya telah memeriksa KOK KONG WONG

K.P. No. 28502-08-6230 pada 11/8/12 termasuk x-ray dan saya dapati:

- (i) Ia tidak mengidap apa-apa penyakit dan disahkan sihat untuk dilantik. ✓
- (ii) Ia tidak begitu sihat seperti di butiran tetapi boleh dilantik untuk berkhidmat dengan Kerajaan.
- (iii) Ia tidak sihat dan tidak disokong untuk dilantik berkhidmat dengan Kerajaan

TANDARANGAN CHAN KUOONG MEBS (U.M.)

NAMA
(DENGAN HURUF BESAR)

NO. KAD PENGENALAN 682728-10-2224

KELAYAKAN POLIKLINIK WONG
JAWATAN
No. 211, Jalan Sajana,
Taman Connought, Cheras,
56000 Kuala Lumpur.

COP RESMI
Tel: 03-91317833

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI SHAH ALAM

DALAM NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN

SAMAN PEMULA NO: MT-21-248-2010

ANTARA

NOORFADILLA BINTI AHMAD SAIKIN

... PLAINTIF

DAN

1. CHAYED BIN BASIRUN
2. ISMAIL BIN MUSA
3. DR HAJI ZAHRI BIN AZIZ
4. KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA,
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
5. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA,
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
6. KERAJAAN MALAYSIA

... DEFENDAN-
DEFENDAN

SIJIL PERAKUAN EKSHIBIT

Saya dengan ini mengakui bahawa Eksibit berikut yang bertanda "Eksibit IM-7" yang dirujuk di dalam Afidavit Jawapan Defendan Kedua dan Defendan Ketiga ISMAIL BIN MUSA diikrarkan di hadapan saya pada 29 haribulan September 2010.

Di hadapan saya,



**KEMBALIKAN LAMPIRAN INI KEPADA UNIT SEKOLAH RENDAH
JABATAN PELAJARAN NEGERI SELANGOR
(2 Minggu Dalam Tempoh guru ini Melapor Diri)**

Nama Sekolah

SJK (C) Connaught 2,
Damai Perdana.

Tarikh:

Kepada:

Pengarah Pelajaran
Jabatan Pelajaran selangor
Jalan Jambu bol 4/3E
40604 Shah Alam
(u.p: Unit Sekolah Rendah)

Tuan,

LAPORAN PENEMPATAN GURU SANDARAN TIDAK TERLATIH (GSTT)

Nama Guru : Khor Ying Ying
No. Kad Pengenalan : 840502-08-6230 No.Fail Diri: 04/05/2007/031
Surat tuan Bil JPNS.REN 500-1/9/2/1 JLD. 12 (3) bertarikh 08/6/2007
Adalah dirujuk.

Dengan ini dimaklumkan bahawa guru diatas :

- Telah melapor diri di sekolah ini pada : 17/2007
- Belum lagi melapor diri sehingga tarikh surat ini dihantar.

Sekian, terima kasih


(Tandatangan & Cop Guru Besar)

PUA CHONG CHAU
Guru Besar
SJK (C) Connaught 2,
Bandar Damai Perdana,
56000 Cheras, Hulu Langat
Selangor Darul Ehsan.

*Laporan Untuk
Lembaga Pelajaran Negeri Selangor*

- Potong yang tidak berkenaan.

s.k Pegawai Pelajaran Daerah
 Pejabat Pelajaran Daerah _____

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI SHAH ALAM
DALAM NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN
SAMAN PEMULA NO: MT-21-248-2010

ANTARA

NOORFADILLA BINTI AHMAD SAIKIN

... PLAINTIF

DAN


1. CHAYED BIN BASIRUN
2. ISMAIL BIN MUSA
3. DR HAJI ZAHRI BIN AZIZ
4. KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA,
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
5. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA,
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
6. KERAJAAN MALAYSIA

... DEFENDAN-
DEFENDAN

SIJIL PERAKUAN EKSHIBIT

Saya dengan ini mengakui bahawa Eksibit berikut yang bertanda "Eksibit IM-8" yang dirujuk di dalam Afidavit Jawapan Defendan Kedua dan Defendan Ketiga **ISMAIL BIN MUSA** diikrarkan di hadapan saya pada ²⁹ haribulan September 2010.

Di hadapan saya,





KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

(Ministry Of Education Malaysia)

BAHAGIAN SUMBER MANUSIA

(Human Resource Division)

ARAS 1-5, BLOK E12, KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E

PUSAT RENTADBIAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

62604 PUTRAJAYA

Telpon : +603-8884 6000 (Telan U)

Faks : +603-8888 6282

Laman web : <http://www.moe.gov.my>

Rujukan Kami : KP(PP)0017/122/14 Jld.12/ (23)

Tarikh : 27 Februari 2007

Semua Ketua Bahagian

Semua Pengarah Pelajaran Negeri

Semua Pengarah Institut Pendidikan Guru

Ketua Pengarah Jabatan Pengurusan
Politeknik dan Kolej Komuniti,
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia

Tuan,

**SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN KEMENTERIAN PELAJARAN
MALAYSIA BIL. 1 Tahun 2007**

**Syarat-Syarat Pelantikan Serta Kemudahan-Kemudahan
Untuk Guru Sandaran**

1. Tujuan

- 1.1 Tujuan Surat Pekeling ini adalah untuk mengemaskinikan syarat-syarat pelantikan Guru-Guru Sandaran dan juga syarat-syarat perkhidmatan mereka:

2. Takrif

2.1 Guru Sandaran

- 2.1.1 Guru Sandaran adalah seseorang yang diambil bertugas sebagai guru di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) untuk sesuatu tempoh bagi mengisi kekosongan hakiki dan ianya belum lagi dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP). Upahan yang diterima oleh seseorang Guru Sandaran adalah dalam bentuk eluan bulanan sebaik.

2.2 Guru Sandaran Terlatih

2.2.1 Seseorang Guru Sandaran Terlatih (GST) selain daripada memiliki kelayakan akademik yang diiktiraf oleh Kerajaan, mestilah juga mempunyai kelayakan iktisas yang telah diiktiraf serta kelayakan Bahasa Malaysia. Pelantikan mereka adalah diuruskan oleh KPM khususnya Bahagian Sumber Manusia.

2.3 Guru Sandaran Tidak Terlatih

2.3.1 Seseorang Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT) hanya memiliki kelayakan akademik dan kelayakan Bahasa Malaysia sahaja. Pelantikan mereka adalah diuruskan oleh Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) atau Jabatan/Bahagian berkaitan seperti Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral dan Jabatan Pendidikan Khas, KPM dan Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM).

3. Bertaraf GST dan GSTT

- 3.1 GST dan GSTT adalah bertaraf bukan kakitangan kerajaan. Oleh yang demikian mereka tidak layak mendapat apa jua faedah atau kemudahan seperti yang diterima oleh guru-guru tetap kecuali kemudahan-kemudahan seperti yang tersebut di perenggan 4 di bawah.
- 3.2 Walaupun GST dan GSTT adalah tidak bertaraf kakitangan Kerajaan, mereka adalah sentiasa tertakluk kepada peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh KPM/KPTM sebagai majikan mereka.

4. Elaun dan Kemudahan;

4.1 Elaun dan Kemudahan yang layak diterima oleh GST dan GSTT

- 4.1.1 Elaun bulanan berdasarkan tarikh elauan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Kabinet Gaji dan telah dilaksanakan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 2002 dan pindaan-pindaan jika ada dari masa ke semasa;
- 4.1.2 Imbuhan Tetap Khidmat Awam atas kadar yang dinikmati oleh PPP yang setaraf di dalam Skim Perkhidmatan yang sama;
- 4.1.3 Elaun-elaun untuk mengatasi kos sara hidup yang tinggi di sesebuah negeri/daerah atau kadar yang sama dengan yang diterima oleh guru-guru tetap yang setaraf dengannya seperti berikut:
- a) Elaun Penempatan Khas jika dihantar bertugas dari Semenanjung ke Sabah/Sarawak dan sebaliknya;
 - b) Elaun Wilayah di Sabah dan Sarawak bagi mereka yang berasal dari negeri tersebut;
 - c) Elaun Hidup Sementara bagi mereka yang bertugas di Bintulu, Sarawak.
 - d) Elaun Bantuan Sara Hidup (COLA)

- 4.1.4 Elaun-elaun dan lain-lain bayaran mengikut syarat peraturan di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bil. 8/1980 dan lainnya berkaitan apabila menjalankan tugas rasmi di luar kawasan ibu pejabat;
 - 4.1.5 Cuti Sakit di bawah Perintah Am 17 Bab C;
 - 4.1.6 Kemudahan Perubatan dan Pergigian, kelayakan dan wad di Hospital dan Klinik-Klinik Kerajaan atas syarat-syarat dan peraturan yang sama seperti guru-guru tetap yang setaraf;
 - 4.1.7 Elaun Subsidi Sewa Rumah (Rental Ceiling) bagi GST daripada Semenanjung yang dihantar bertugas ke Sabah dan Sarawak.
- 4.2 Kemudahan-Kemudahan yang tidak layak diperolehi oleh GST dan GSTT
- 4.2.1 Rawatan Perubatan di Luar Negeri;
 - 4.2.2 Cuti Bersalin
 - 4.2.3 Pinjaman Perumahan/Kenderaan
 - 4.2.4 Lain-lain kemudahan/elaun yang tidak dipanjangkan kepada guru-guru sandaran oleh mana-mana Pekeliling.

5. Peraturan dan Syarat-syarat Pelantikan Guru Sandaran

5.1 Kuasa Melantik:

- 5.1.1 Bagi GST yang mempunyai kelayakan ikhtisas/pergunuan dan guru-guru lepasan Institut Pendidikan Guru (IPG) yang sedang menunggu keputusan peperiksaan, kuasa melantik ialah KPM;

5.1.2 Bagi GSTT yang diambil dengan tujuan untuk mengisi kekosongan buat sementara waktu, ataupun pengambilan guru-guru Bahasa Ibunda di Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil, pelantikan mereka diuruskan oleh Pengarah Pelajaran Negeri atau Ketua Jabatan berkaitan di KPM atau Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti, KPTM.

5.2 Syarat Pelantikan GSTT :

- 5.2.1 Warganegara Malaysia;
- 5.2.2 Umur tidak melebihi 35 tahun bagi siswazah dan 30 tahun bagi bukan siswazah;
- 5.2.3 Mempunyai kelayakan akademik yang ditetapkan;
- 5.2.4 Mempunyai kepujian Bahasa Malaysia di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau yang setaraf dengannya dan mendapat kepujian dalam tiga mata pelajaran lain;
- 5.2.5 Bagi lantikan guru-guru Agama, calon-calon hendaklah mempunyai kelulusan Bahasa Arab sekurang-kurangnya peringkat SPM, matapelajaran Agama Islam Tinggi ataupun IV Senawi.

5.3 Pengarah-Pengarah Pelajaran Negeri/Ketua Jabatan/Bahagian/Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti, KPTM hendaklah mendapatkan kebenaran KPM terlebih dahulu bagi kes-kes berikut:-

- 5.3.1 Bagi calon-calon yang mempunyai ijazah-ijazah dalam dan luar negeri yang belum diketahui nilai tarafnya;

- 5.3.2 Calon-calon yang telah melebihi syarat umur seperti di bawah;
- 5.3.3 Calon-calon yang tidak mempunyai syarat Kepujian Bahasa Malaysia di peringkat SPM;
- 5.3.4 Calon-calon yang tidak mempunyai kelayakan Bahasa Arab diperingkat SPM bagi lantikan sebagai Guru Agama.

5.4 Pelantikan ke dalam Kategori GSTT yang lebih tinggi

Seseorang GSTT boleh dilantik kepada kategori yang lebih tinggi mengikut budibicara Pengarah Pelajaran Negeri/ Ketua Jabatan/Bahagian, KPM/Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti, KPTM masing-masing tertakluk kepada syarat berikut:-

- 5.4.1 Mempunyai kelayakan akademik yang setaraf dengan keperluan;
- 5.4.2 Ada kosongan jawatan hakiki dalam negeri berkenaan;
- 5.4.3 Perkhidmatannya adalah diperlukan.

Calon hendaklah ditawarkan Jawatan yang lebih tinggi itu mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan dalam Pekeliling ini. Tarikh pelantikan ke kategori yang baru itu hendaklah berkuatkuasa pada tarikh beliau melaporkan diri untuk menjalankan tugas dalam kategori yang baru itu.

5.5 Pelantikan ke dalam Kategori GSTT lebih rendah

- 5.5.1 Seseorang calon boleh juga ditawarkan dan dilantik ke dalam kategori yang lebih rendah daripada kelayakan yang diperolehi mengikut keperluan dan kepentingan perkhidmatan Jabatan yang berkenaan.

- 5.6 Penamatan Perkhidmatan GST Yang Gagal Dalam Peperiksaan Akhir Institut Pendidikan Guru
- 5.6.1 Seseorang Guru Sandaran lepasan Institut Pendidikan Guru (IPG) yang ditempatkan sebagai GST yang disahkan telah gagal dalam peperiksaan akhir IPG akan ditamatkan perkhidmatannya oleh KPM. Selanjutnya terpulang kepada budibicara Pengarah Pelajaran Negeri/Ketua Jabatan/Bahagian, KPM/Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti, KPTM untuk melantiknya sebagai GSTT jika perkhidmatannya masih diperlukan.
- 5.7 Penamatan Perkhidmatan GST yang gagal dalam Urusan Temuduga Lantikan tetap oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran .
- 5.7.1 Seseorang GST yang gagal dalam temuduga untuk lantikan tetap yang diadakan oleh SPP akan ditamatkan perkhidmatannya. Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab untuk melaporkan perkara ini kepada Bahagian Sumber Manusia, KPM.

6. Tempoh Perkhidmatan Guru-Guru Sandaran

- 6.1 Perkhidmatan GST adalah berdasarkan sebulan ke sebulan dan tamat dengan sendirinya apabila mereka dilantik ke jawatan tetap atau sementara dalam perkhidmatan pelajaran mengikut yang mana lebih awal.
- 6.2 Perkhidmatan GSTT adalah juga berdasarkan sebulan ke sebulan dan akan tamat pada 31 Disember tahun berkenaan atau ditamatkan pada bila-bila masa apabila perkhidmatan mereka tidak dikehendaki lagi oleh Jabatan Pelajaran Negeri/Jabatan/Bahagian berkenaan mengikut yang mana lebih berkaitan dengan kepentingan perkhidmatan.

6.3 Perkhidmatan GSTT yang mengisi kekosongan secara hakiki meneruskan perkhidmatannya sehingga ke akhir sesi persekolah pada setiap tahun, perkhidmatan mereka akan dilanjutkan sehingga 31 Disember tahun berkenaan.

7. Tarikh Pelantikan GST dan GSTT :

Tarikh pelantikan atau tarikh seseorang GST dan GSTT memegang jawatan ialah pada tarikh ianya melapor diri. Walau bagaimanapun Pengarah Pelajaran Negeri/Ketua Jabatan/Bahagian berkaitan, KPM dan Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti, KPTM boleh menentukan tarikh melapor diri seseorang GST dan GSTT mengikut budibicara dan kepentingan perkhidmatan Negeri/Jabatan/Bahagian berkenaan.

8. Kadar Elaun GST dan GSTT Siswazah/Lepasan Diploma Dan Bukan Siswazah

Jadual Gaji Baru (Tarikh Kuatkuasa: 1.11.2002)
Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002
Sistem Saran Malaysia

Bil.	Kelayakan	Gred Gaji	Tangga Elaun
1.	Ijazah Kepujian	DC41	T5 RM 1653.73 – T10 RM 2046.98
2.	Ijazah Am	DC41	T3 RM 1496.43 – T10 RM 2046.98
3.	Kursus Perguruan Lepasan Diploma (Diploma Biasa/ Diploma KUITTHO) <small>Profesional</small>	DB29	T1 RM 1172.97 – T6 RM 1433.12
4.	Kursus Perguruan Lepasan Diploma (Diploma Profesional)	DBA29	T1 RM 1225.00 – T5 RM 1485.15
5.	Diploma Perguruan Malaysia (Kursus Diploma Perguruan Malaysia/ Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia)	DB27	T1 RM 963.64 – T7 RM 1283.08
6.	Sijil Pelajaran Malaysia	DB17	T1 RM 656.30 – T7 RM 895.88

9. Kenaikan/Tarikh Kenaikan Elaun:

- 9.1 GST dan GSTT boleh menerima kenaikan elaun atas tangga elaun yang telah ditetapkan dalam Pekeliling ini mengikut kategori masing-masing pada ulangtahun genap perkhidmatan mereka dan berdasarkan kepada tarikh pergerakan elaun yang ditentukan dibawah Pekeliling Perkhidmatan Bil.4 Tahun 2002 Sistem Saran Malaysia.

- 9.2 Tarikh kenaikan elaun seseorang GST dan GSTT ialah ulangtahun genap perkhidmatannya dalam satu-satu jawatan dikira seperti berikut:-

- a) Bagi seseorang Guru Sandaran yang perkhidmatannya ditamatkan pada sesuatu tarikh sebelum 31 Disember, kemudian diambil perkhidmatan semula dalam tahun berikutnya, maka tempoh perkhidmatannya yang lepas hendaklah diambilkira bagi menentukan tarikh kenaikan elaun tahunannya setelah perkhidmatannya mencukupi satu tahun, dengan mengikut tarikh kenaikan gaji yang terhampir berdasarkan Pekeliling.

10. Pertukaran Guru Sandaran

- 10.1 GST boleh dikehendaki bertukar dari satu negeri ke satu negeri yang lain, tertakluk kepada kelulusan dari Bahagian Sekolah-sekolah/ Jabatan Pendidikan Islam Dan Moral/ Jabatan Pendidikan Khas/ Jabatan Pendidikan Teknikal KPM atau Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti, KPTM dan perkhidmatan mereka adalah dianggap bersambung.

10.2 GSTT tidak boleh ditukar keluar dari negeri asal mereka dilantik oleh kerana tujuan asal mereka dilantik adalah untuk memenuhi keperluan di negeri itu sahaja. Sekiranya mereka meletakkan jawatan dan kembali dilantik semula oleh mana-mana JPN/Ketua Jabatan berkaitan, maka ini hendaklah dianggap sebagai satu pelantikan yang baru dan perkhidmatannya yang lepas tidak boleh diambilkira untuk sebarang tujuan.

11. Kursus Dalam Cuti

GSTT yang telah dipilih oleh Bahagian Pendidikan Guru/Jabatan berkaitan untuk mengikuti Lafihan Ikhtisas Perguruan Kursus Dalam Cuti adalah tidak dikehendaki meletak jawatan mereka kecuali apabila mengikuti kursus di semester terakhir (kursus sepenuh masa). Ini bererti perkhidmatan mereka di negeri berkenaan adalah berterusan dan elaun bulanan terus dibayar oleh JPN. Selanjutnya elaun/biasiswa semasa mengikuti kursus sepenuh masa akan diuruskan oleh Bahagian Pendidikan Guru atau KPTM di mana berkaitan.

12. Disiplin

12.1 Semua GST dan GSTT adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan disiplin yang sama yang telah diletakkan untuk PPP. Sebarang perlanggaran terhadap peraturan-peraturan itu hendaklah dilaporkan kepada Unit Tatatertib, Bahagian Sumber Manusia, KPM melalui Ketua Jabatan masing-masing.

13. Surat Tawaran

13.1 Surat tawaran GSTT seperti di Lampiran 'A' adalah digunakan di dalam urusan pelantikan GSTT berkenaan.

14. **Pembatalan Surat Pekeliling Perkhidmatan Kementerian Pelajaran Malaysia Bill. 1 Tahun 1987**

14.1 Dengan tersiarinya Surat Pekeliling ini, Surat Pekeliling Perkhidmatan, KPM Bill 1 Tahun 1987 adalah dibatalkan.


15. **Tarikh Kuatkuasa Surat Pekeliling**

15.1 Tarikh kuatkuasa Surat Pekeliling ini adalah pada tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "
" CINTAILAH BAHASA KITA "

Saya yang menurut perintah,



(HAJI KAMARUZAMAN BIN YAACOB)

Bahagian Sumber Manusia

b.p: Ketua Setiausaha

Kementerian Pelajaran Malaysia.

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI SHAH ALAM

DALAM NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN

SAMAN PEMULA NO: MT-21-248-2010

ANTARA

NOORFADILLA BINTI AHMAD SAIKIN

... PLAINTIF

DAN


1. CHAYED BIN BASIRUN
2. ISMAIL BIN MUSA
3. DR HAJI ZAHRI BIN AZIZ
4. KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA,
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
5. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA,
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
6. KERAJAAN MALAYSIA

... DEFENDAN-
DEFENDAN

SIJIL PERAKUAN EKSHIBIT

Saya dengan ini mengakui bahawa Eksibit berikut yang bertanda "Eksibit IM-9" yang dirujuk di dalam Afidavit Jawapan Defendan Kedua dan Defendan Ketiga **ISMAIL BIN MUSA** diikrarkan di hadapan saya pada 29 haribulan September 2010.

Di hadapan saya,



KRITERIA KELAYAKAN LANTIKAN GURU SANDARAN TIDAK TERLATIH (GSTT) SEKOLAH MENENGAH JABATAN PELAJARAN NEGERI SELANGOR

1. KELAYAKAN UMUR

- 1.1 Ijazah Genap 18 – 35 tahun pada tarikh memohon
1.2 SPM dan STPM Genap 18 – 30 tahun pada tarikh Memohon

2. KELAYAKAN AKADEMIK

- 2.1 SPM – 4 Kredit termasuk Bahasa Malaysia.
2.2 Sekiranya calon mempunyai STPM

* Catatan di dalam jadual adalah kelayakan minimum.

Pengajian AM	Subjek 1	Subjek 2	Subjek 3	Subjek 4
E	E	E	E	E
E	E	E	E	**
E	A	E	**	**
E	B	D	**	**
E	C	C	**	**
E	E	E	R	R

- 2.3 Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf dari Majlis Kelayakan Malaysia.

3. KELAYAKAN GAJI

- 3.1 SPM – DB17 P1T1 RM
3.2 STPM – DB27 P1T1 RM
3.3 IJAZAH – DC41 P1T1 RM

- Tidak boleh dilantik dahulu sehingga surat tawaran dikeluarkan oleh pihak Jabatan Pelajaran Negeri Selangor.
- Syarat Lantikan GSTT – Mesti disemak kelayakan SPM dahulu. Sekiranya mempunyai STPM atau Ijazah, jika kelayakan SPM tidak mencukupi syarat, tidak boleh dilantik.
- Permohonan calon yang mengandung tidak boleh dilantik kerana GSTT tidak boleh diganti oleh guru ganti